



LAPORAN LIPUTAN MEDIA

RABU / 2 JANUARI 2019

- 1. TEKNOLOGI PERTANIAN HASIL EMPAT KALI GANDA**
 - **MEGA AGRO**

- 2. KESAN JENIS DURIAN DARIPADA VISUAL LUARAN**
 - **KOSMO**

- 3. RUMPUT NAPIER JANA PENDAPATAN**
 - **SINAR HARIAN**

- 4. BAN IMPACTS POOR FARMERS**
 - **THE STAR**

DISEDIAKAN OLEH :
CAWANGAN KOMUNIKASI KORPORAT
(MADA)

Teknologi ini mampu meningkatkan hasil tanaman...



Dr. Mohd. Syahid Ibrahim, Dekan Fakulti Pertanian dan Industri Makanan, MARDI Seremban...



Teknologi ini mampu meningkatkan hasil tanaman...

INFO

- Menghasilkan...
• Meningkatkan...
• Meningkatkan...
• Meningkatkan...

Teknologi pertanian hasil empat kali ganda

Dr. Mohd. Syahid Ibrahim, Dekan Fakulti Pertanian dan Industri Makanan, MARDI Seremban...



Dr. Mohd. Syahid Ibrahim, Dekan Fakulti Pertanian dan Industri Makanan, MARDI Seremban...

Sebuah teknologi pertanian...
Teknologi ini mampu meningkatkan hasil tanaman...



Teknologi ini mampu meningkatkan hasil tanaman...

Sebuah teknologi pertanian...
Teknologi ini mampu meningkatkan hasil tanaman...

Sebuah teknologi pertanian...
Teknologi ini mampu meningkatkan hasil tanaman...



Dr. M. Mohd. Syahid Ibrahim, Dekan Fakulti Pertanian dan Industri Makanan, MARDI Seremban...

UPM lahirkan usahawan tani

Program ini bertujuan untuk melahirkan usahawan...
UPM telah melahirkan usahawan tani...

UPM LAHIRKAN USAHAWAN TANI



INFO

- Program ini bertujuan...
• Program ini bertujuan...
• Program ini bertujuan...

Kesan jenis durian daripada visual luaran



JOON HUANG



MARCUS



HUI YING

SEBUT sahaja buah durian, pasti kebanyakan kita akan membayangkan keenakan rasanya walaupun mempunyai bau yang kurang menyenangkan bagi segelintir orang.

Justeru, kehadiran raja buah itu sangat dinanti-nantikan terutamanya apabila tiba musim durian.

Terdapat pelbagai jenis buah durian di pasaran yang memberi pilihan kepada pencinta buah tersebut untuk menikmatinya.

Sebagai pengguna, terdapat keperluan untuk mengenal pasti jenis durian kerana keadaan fizikal luarannya yang kelihatan hampir sama menyebabkan ramai orang terkeliru.

Menyadari kesukaran itu, sekumpulan penyelidik daripada Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Universiti Malaya (UM), Kuala Lumpur telah membangunkan sebuah laman web dan aplikasi bagi mengenal pasti jenis durian berdasarkan gambar luaran buah itu.

Pengguna boleh melayari laman web durianrecognition.com atau aplikasi DurianCam secara percuma untuk tujuan tersebut.

Menurut Ketua Penyelidikinya, Ir. Dr. Chuah Joon Huang, pembangunan laman web dan aplikasi itu merupakan projek seorang pelajar di bawah seliaannya iaitu Marcus Lim Guozong, 23, yang dibantu oleh dua orang pelajar Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dengan ideanya dicetuskan oleh Joon Huang.

"Saya mendapat idea untuk membangunkan program tersebut ketika membeli durian di Bentong, Pahang apabila sukar mengenal pasti jenis durian kerana ia kelihatan sama sahaja.

"Sebagai contoh, secara fizikal D197 tidak jauh berbeza dengan durian D24 walaupun isinya mempunyai kualiti berbeza," katanya ketika ditemui *Infiniti* di Fakulti Kejuruteraan Elektrik UM baru-baru ini.

Beliau kemudian mencadangkan kepada Marcus agar menjalankan kajian ini bagi projek tahun akhir pengajian ijazah sarjana mudanya kira-kira dua tahun lalu.

Tambahnya, mekanisme seperti itu sangat penting memandangkan Malaysia merupakan antara negara pengeluar terbesar durian.



APLIKASI DurianCam boleh dimuat turun secara percuma di Google Play Store.



CONTOH durian udang merah yang berjaya dilibas menggunakan sistem tersebut.



PENGGUNA hanya perlu merakam gambar dan dimuat naik ke dalam aplikasi DurianCam sebelum aplikasi itu mengesan jenis durian.

Justeru, ia memudahkan penjual dan pembeli mengenal pasti jenis-jenis durian dengan menggunakan kecanggihan teknologi.

Jelasnya yang juga merupakan Pensyarah Kanan Jabatan Kejuruteraan Elektrik, buat masa ini pihaknya memberi fokus kepada empat jenis durian untuk dikenal pasti menggunakan platform tersebut.

Empat jenis durian itu ialah D13, D24, D175 (udang merah) dan D197 (musang king).

Latihan

Ia juga sangat pintar untuk mengenal pasti apa sahaja objek yang bukan buah durian.

Pada masa akan datang, kumpulan penyelidik itu akan menambah beberapa jenis durian serta buah-buahan lain untuk dikenal pasti menggunakan kaedah tersebut.

Pengguna hanya perlu merakam gambar kemudian dimasukkan ke dalam laman web atau aplikasi tersebut dan maklumat mengenai jenis buah itu akan dipaparkan.

Joon Huang memberitahu, aplikasi DurianCam boleh dimuat turun secara percuma bermula Januari ini dan buat masa ini hanya untuk pengguna Android.

Sementara itu, Marcus memberitahu, dia mengambil masa setahun iaitu bermula tahun 2017 untuk membangunkan laman web dan aplikasi tersebut.

"Saya menggunakan teknik pemrosesan imej untuk membangunkan aplikasi ini iaitu rangkaian neural yang membolehkan ia menjadi lebih 'pintar'.

"Proses latihan pengenalan jenis durian untuk aplikasi ini menggunakan lapisan rangkaian pintar yang akan mengenal pasti ciri-ciri visual imej kulit durian untuk dijadikan input," terangnya yang kini sudah memegang Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik.

Selepas proses latihan itu selesai, aplikasi akan berupaya untuk mengenal pasti jenis durian berdasarkan

kebarangkalian tertinggi ditunjukkan oleh imej yang diproses.

Bercerita lanjut mengenai cabaran dalam melaksanakan kajian itu, Marcus berkata, dia perlu pergi ke ladang durian dan gerai-gerai yang menjual buah tersebut untuk merakam gambar.

"Bagi setiap satu jenis durian itu saya merakam ratusan gambar untuk dimasukkan ke dalam sistem bagi memastikan keputusannya benar-benar tepat.

"Sehubungan itu, ia mampu memberi ketepatan sebanyak 80 peratus ketika membuat penilaian jenis buah tersebut," ujar anak bongsu daripada dua beradik itu.

Salah seorang pelajar PhD yang membantu penyelidikan tersebut, Khaw Hui Ying, 27, pula berkata, penggunaan laman web dan aplikasi itu bukan sahaja memudahkan penggemar durian malah mampu menjadi platform kepada agensi yang terlibat.

Ia amat bermanfaat terutamanya dalam usaha membangunkan aplikasi serupa bagi memberi penyelesaian kepada sistem pengurusan kualiti hasil pertanian untuk penentuan kualiti produk bagi pasaran import.

"Menariknya, aplikasi ini juga mampu membezakan buah tempatan yang menyerupai durian seperti cempedak.

"Potensi aplikasi ini amat luas. Dengan penggunaan lebih banyak imej sebagai input kepada rangkaian neural yang digunakan akan menghasilkan ketepatan yang lebih tinggi," ulasnya yang berasal dari George Town, Pulau Pinang.

Inovasi tersebut bakal memberi manfaat kepada masyarakat keseluruhannya termasuklah semua komponen industri buah-buahan tempatan.

INFO DurianCam

- Boleh mengenal pasti empat jenis durian iaitu D13, D24, D175 (udang merah) dan D197 (Musang King)
- Ketepatan sebanyak 80 peratus
- Menggunakan rangkaian pintar neural
- Aplikasi boleh dimuat turun secara percuma di Google Play store
- Pengguna boleh juga melayari laman web durianrecognition.com



BENTUK fizikal dan isi durian yang seakan sama membuatkan jenisnya sukar dikenal pasti.

Rumput napier jana pendapatan

Bantu tampung sumber bekalan makanan ternakan ruminan

MUHAMMAD AMMAR MUBASSYR ABD HADI

KULIM

Seorang anak muda mengusahakan penternakan rumput napier setelah menyedari bekalan makanan ternakan ruminan itu kurang di pasaran.

Usahawan, Shahemi Mohd Badzi, 31, berkata, dia mula mengusahakan ladang rumput napier sejak dua tahun lalu dengan dibantu dua pekerja.

Menurutnya, usaha itu dapat membantu penternak mendapatkan bekalan makanan yang mencukupi di samping mengurangkan kos makanan ternakan ruminan.

"Keuasan keseluruhan ladang ini ialah 7.1 hektar. Sekarang ini kita telah buka

seluas tiga hektar untuk tanam rumput napier dan keluasan 4.3 hektar ditanam jagung.

"Jadi kita berhasrat untuk tingkatkan lagi keluasan penanaman rumput napier di negeri ini," katanya ketika ditemui di ladang rumput napier, Kampung Bikan.

Terdahulu, Shahemi menerima kunjungan Exco Pertanian dan Sumber Tani, Pengangkutan dan Industri Asas Tani, Azman Nasrudin.

Hadir sama, Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Kedah, Dr Shaharul Akmar Talib.

Shahemi berkata, ladang itu sebelum ini ialah kawasan ternakan lembu dan benih getah sebelum diambil alih syarikatnya.

"Dari situ, saya ambil alih untuk usahakan ladang rumput napier," katanya.

Dia yang juga graduan Universiti Utara Malaysia (UUM) dalam bidang Ijazah Pengurusan Awam berkata, rumput napier mengurangkan kos penternak.

"Kos rumput napier sangat rendah dan kedua ia mempunyai protein yang



Azman (tengah) menjelaskan sesuatu kepada Shahemi (dua, kanan).

stabil untuk keperluan ternakan seperti kambing dan lembu.

"Kapasiti satu beg (25 kilogram) kita jual RM10 sahaja berbanding harga dedak yang lebih tinggi," katanya.

Tambahnya, pendapatan secara kasar dapat mencecah sebulan RM10,000 hingga RM15,000 sebulan.

"Di utara setakat ini rumput ini dijual di sekitar Kedah selatan dan Pulau Pinang. Dalam masa sama, kita juga

sedang pohon tanah kerajaan negeri untuk dimajukan sebagai kawasan pertanian.

"Kami dalam satu kumpulan beliau muda untuk melatih golongan muda bahawa agro pertanian boleh dijadikan satu kerjaya dan menjana pendapatan sangat lumayan," katanya.

Sementara itu, Azman berkata, kerajaan negeri akan melihat tanah-tanah yang sesuai bagi membantu usahawan berkenaan mening-

katkan lagi hasil pengeluaran rumput napier.

"Untuk tanam rumput ini memerlukan kawasan yang luas. Permintaan cukup tinggi. Bila ada kesungguhan kita kena bantu," katanya.

Beliau berkata, kerajaan negeri sedang berusaha menurunkan harga ternakan ruminan dengan mengembalikannya semula jadi sebagai makanan asal.

"Dedak kosnya tinggi, dedak import dan sebagainya

info

Rumput napier lebih murah berbanding dedak

memang mahal sebab itu harga lembu juga tinggi.

"Sasaran kita jaganlah harga daging itu mahal sangat. Bila makan rumput atau jagung kosnya tidaklah meningkat sangat. Hari ini kita jual daging lembu RM34, RM35 sekilogram. Jika boleh rendah lagi pada harga itu.

Manakala, Shaharul berkata, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Kedah sedang membuka permohonan kepada mereka berminat untuk memohon 20 lembu untuk diternak.

"Mereka boleh cuba memohon di mana penternak hanya perlu membayar 10 peratus daripada jumlah 20 lembu itu.

"Permohonan dibuka sebulan bermula 1 Januari. Mereka berminat boleh ke jabatan veterinar terdekat atau ibu pejabat di Alor Setar," katanya.



Palm voices Thompson Ayodele

BAN IMPACTS POOR FARMERS

IN Nigeria and across Africa and the wider developing world, it is well known that the United Kingdom is one of the largest donors of international aid.

The fact that the UK meets the 0.7% target for international development spending is lauded by the elites, but it is the on-the-ground manifestation of that 0.7% target that reaches the people – schools, roads, food parcels, medical care, all funded (and branded) by the British taxpayer.

This is part of the UK's much-vaunted soft power. I'm here to tell you that it is not imagined; it is real.

The UK's reputation as a friend of poor Africans, and a foe of poverty, has been earned through successful aid projects, and strong messages from the UK government and others.

However, this success is vulnerable if British interests are seen to be harming Africa.

Look at how the corporate Dieselgate scandal has shattered Germany's image in America, or how corrupt Icelandic banks destroyed that country's good reputation in Britain. Corporate misdeeds can undermine how an entire nation is perceived.

Which brings us to the unexpected "success story" of Christmas advertising.

Iceland (the British supermarket chain, not the country) decided first to ban all palm oil products from its own-brand range and then, in collaboration with Greenpeace, launched an advertisement to promote this fact.

The advert was banned from television for being "too political" under UK rules, and has since been



Most affected: Oil palm smallholders worldwide who plant the crop as a route out of poverty will be hit by British supermarket chain Iceland Foods' move to ban palm oil products from its own-brand range.

a viral social media hit and received free airtime and column inches beyond Iceland's wildest dreams. Kudos to Iceland's PR team.

What has not been reported is the impact that Iceland's stance will have on countries in Africa, and elsewhere.

Palm oil may be a bogeyman for some in Britain; in much of the developing world around the equator, it is a lifeline.

Oil palm is easy to grow and harvest, earns good money for poor farmers and their families, and is far, far more productive than any comparable crop.

From Colombia, via the Cote d'Ivoire and Congo and Kota Kinabalu, across equatorial Africa,

Asia and Latin America, palm oil has lifted more communities out of poverty than anything else.

The old proverb about teaching a man to fish would, in 2018, be far better described as "teach a man to plant oil palm". It is a proven route out of poverty. And Iceland Foods' managing director Richard Walker wants to ban it.

Not only that, he wants to spend millions on advertising why it should be banned, and an accompanying tour of the TV studios encouraging others to ban it as well.

Let's be clear. Mr Walker is asking that African, Asian and Latin American farmers not be allowed to sell their produce in his stores. This may not be a popular view in

metropolitan London but in West Africa that is the reality.

It's important to – briefly – address the claims made by Iceland in relation to palm oil.

The ban is not justified by claims of deforestation: the United Nations' official data shows that forest area in many palm oil producing regions is growing, not declining.

The UK has 11% forest cover; Malaysia and Colombia (major palm oil producers) have 56% and 52% respectively. Will Mr Walker ban all British-produced products out of concern for deforestation?

The claims around orangutan are equally absurd. Data from the International Union for the Conservation of Nature (IUCN) shows orangutan populations are stable; a recent study highlighted the major cause of orangutan deaths was hunting, not palm oil.

It's worth noting that Iceland has banned all palm oil, including from Africa, where orangutan have never lived. You couldn't make it up.

That, though, misses the real point. EU research proves that the major causes of deforestation globally are beef (livestock) and soybeans. Not palm oil.

Why is Iceland not banning beef products, or soy products? If the concern around forests is real, that is the only consistent path for the "ethical" supermarket boss to pursue.

That Mr Walker targets only palm oil – not the real, proven causes of deforestation – is telling. Could it be that beef and soy are produced in rich Western countries, with strong lobby groups, and CEOs who attend the same country

clubs as Mr Walker?

Palm oil is produced only in poorer countries and so presents an easy target. African and Asian farmers cannot challenge Mr Walker when he appears on BBC's *Question Time*.

The anger, however, is now growing. Malaysian and Indonesian farmers have expressed their displeasure and their governments are reflecting it in their discussions with the UK government. Colombia too has openly criticised Iceland's campaign. Nigerian and other African farmers will not be far behind.

It is disturbing to think that champagne is being poured at the Iceland HQ to celebrate a campaign that demonised and marginalised small businesses and small farmers across Africa.

Iceland's PR effort may have won them some likes on Twitter, but it has done so by belittling Africans. The UK's reputation for supporting economic development and opposing poverty has taken a hit.

Thompson Ayodele is director of The Initiative for Public Policy Analysis (IPPA), an independent public policy group founded in 2002. Ayodele serves as director of IPPA's recently launched oil palm small farmer advocacy group, Palm Oil Farmers Unite! – a global coalition of small farmer associations formed with the intention of supporting a positive global environment for small palm oil farmers, and is dedicated to fighting the dangerous campaigns and policies that threaten small farmers' livelihoods and the economic well-being of communities in Africa and Asia.